

## **“UniMAP<sup>1</sup> 2002-2005: Persepsi dan Impak Ekonomi Perlis”**

Mohd Mizan Aslam<sup>2</sup> dan Abdul Halim Abdul<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ditubuhkan pada Julai 2001 dan telah memulakan operasinya secara rasmi selepas perlantikan Brigedier Jen. Dato' Professor Dr. Kamarudin Hussin sebagai Naib Canselor pertama pada 16 Februari 2002. Setelah empat (4) tahun beroperasi (2002 hingga 2005), UniMAP telah memberikan sumbangan yang sangat besar di negeri ini. Impak utama UniMAP adalah dalam aspek ekonomi. Yang mana selama operasinya di Perlis, UniMAP telah menyumbang jutaan ringgit untuk prasarana dan perbelanjaan mengurus termasuklah emolumen staf dan perbelanjaan pelajar. Kertas kerja ini akan melihat kesan yang dibawa oleh UniMAP selama operasinya di Perlis terutamanya dalam aspek ekonomi termasuk jugalah pandangan penduduk Perlis, staf dan pelajar terhadap UniMAP dan kesan kampus teragih serta kesan pemusatan UniMAP terhadap ekonomi Perlis. 565 responden yang terdiri daripada masyarakat luar, staf dan pelajar UniMAP terlibat dalam penyelidikan ini. Semua maklumat ini dihurai secara diskriptif dan diikuti dengan analisis statistik yang mudah untuk menjelaskannya disamping data-data sekunder daripada pelbagai agensi samaada agensi kerajaan negeri, persekutuan, swasta mahupun UniMAP sendiri.*

**Katakunci:** Impak, ekonomi, Perlis, UniMAP, kampus teragih.

### **1. PENGENALAN**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) secara rasminya ditubuhkan pada Julai 2001 selepas diluluskan oleh jemaah menteri. Operasinya bermula secara rasminya pada 01 April 2002 dan pengambilan pelajar pertamanya adalah pada tahun 2003. Atas persetujuan jemaah menteri juga, negeri Perlis telah dipilih sebagai lokasi untuk penubuhan universiti teknikal keempat di Malaysia ini dan merupakan IPTA ke 17 di negara kita. Penubuhannya adalah untuk memenuhi keperluan negara bagi mendapatkan modal insan dan tenaga manusia bagi sektor kejuruteraan. Wawasan 2020 yang hanya

<sup>1</sup> Universiti Malaysia Perlis dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Malaysia (KUKUM).

<sup>2</sup> MOHD MIZAN ASLAM, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia, m.mizan@UniMAP.edu.my.

<sup>3</sup> ABDUL HALIM ABDUL, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, abdhalim@UniMAP.edu.my.

tinggal 10 tahun lagi untuk direalisasikan memerlukan sekurang-kurangnya 10 ribu jurutera bagi memenuhi pelbagai sektor perindustrian dan sains teknologi. Oleh itu penubuhan UniMAP adalah sangat perlu bagi memenuhi matlamat ini. Lokasi UniMAP di utara semenanjung juga secara tidak langsung telah memberikan impak yang besar ke atas Perlis dan masyarakat di sekitarnya. Kajian ini akan mengupas kehadiran UniMAP di Perlis dan kesannya terhadap ekonomi negeri dan penduduk sekitarnya.

### ***1.1 Masalah Kajian***

Kajian ini dijangka akan dapat menjawap beberapa permasalahan kajian seperti peratusan peningkatan ekonomi negeri Perlis selepas kehadiran UniMAP. Kajian ini akan membandingkan keadaan ekonomi Perlis sebelum dan selepas kehadiran UniMAP. Kehadiran UniMAP dilihat memainkan peranan penting dalam peningkatan ekonomi Perlis, walau bagaimanapun masih terdapat perkara-perkara yang perlu diperhatikan dengan teliti seperti setakat mana peningkatan ini membantu masyarakat Perlis. Pelbagai sektor seperti perniagaan, masyarakat awam dan pelajar juga seharusnya menerima kesan kehadiran UniMAP di Perlis. Harapan yang sangat besar telah dipertaruhkan oleh kerajaan persekutuan untuk menyediakan keperluan tenaga manusia bagi memacu wawasan 2020 dan memberikan kesan yang amat baik kepada ekonomi Perlis. Sedikit kajian tentang pemusatan UniMAP di kampus Ulu Pauh juga akan dijelaskan bagi menjawab persoalan-persoalan berkaitan peningkatan ekonomi Perlis pada masa yang akan datang. Apa yang jelas UniMAP pastinya penting dalam memastikan cita-cita dan harapan negara dan negeri tercapai.

### ***1.2 Objektif Kajian***

Selama tiga tahun (2002 hingga 2005), UniMAP telah memberikan banyak kesan kepada peningkatan ekonomi di Perlis. Kehadiran UniMAP telah memangkin kepada peningkatan pelbagai sektor ekonomi seperti perniagaan, perumahan, perbankan, perhotelan dan lain-lain lagi. Maka kajian ini akan melihat kesan kehadiran UniMAP terhadap sektor ekonomi di Perlis secara terus dan telus. Kajian ini juga dilakukan atas tujuan-tujuan berikut:

1. Mengkaji kesan sektor ekonomi Perlis selepas kehadiran UniMAP (2002-2005).
2. Bidang ekonomi yang mana paling banyak berlaku peningkatan, samaada bidang perhotelan, perniagaan runcit, makanan, perbankan, pengangkutan, perumahan dan lain lain.
3. Berapa peratus peningkatan pendapatan ekonomi negeri selepas kehadiran UniMAP antara 2002-2005.

4. Persepsi masyarakat di Perlis, pelajar dan staf UniMAP terhadap kehadiran UniMAP di Perlis.
5. Mendapatkan jumlah perbelanjaan UniMAP, staf dan pelajar di Perlis dalam masa sebulan.
6. Melihat trend perbelanjaan staf dan pelajar UniMAP serta impaknya terhadap ekonomi Perlis.

### ***1.3 Metodologi Kajian***

#### ***1.3.1 Pendekatan Kajian***

Kajian ini adalah satu kajian penerokaan dan ianya menggunakan pendekatan deskriptif dan disusuli dengan ulasan statistik. Data yang dikumpulkan dianalisis untuk mencari pola perbelanjaan pelajar, kakitangan dan masyarakat Perlis selepas kehadiran UniMAP. Ini termasuklah juga persepsi mereka terhadap kehadiran UniMAP dan jangkaan masa hadapan dengan pemusatan UniMAP di satu lokasi. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, diharapkan kajian lanjut yang lebih terperinci dapat dilakukan.

#### ***1.3.2 Sampel Kajian***

Sampel terdiri daripada 565 responden mewakili pelajar UniMAP kakitangan UniMAP dan penduduk Perlis daripada kawasan Kangar, Arau, Kampung Wai, Taman Muhibbah, Taman Aman, dan Jejawi. Kakitangan UniMAP dibahagikan kepada dua iaitu kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran. Teknik pemilihan rawak sistematik digunakan untuk memilih responden-responden diatas. Data yang terdapat di dalam rekod Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah digunakan. Manakala data dari sumber luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis (PKENPs), Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Perpustakaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan lain-lain agensi sangat membantu dalam penyelidikan ini.

#### ***1.3.3 Data***

Data yang dikumpulkan dimasukkan ke dalam komputer untuk dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS versi 13.0. Peratusan dan ujian statistik yang berkaitan digunakan

## **1.4 Profil Responden**

### *1.4.1 Latar Belakang Responden*

565 responden yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar UniMAP serta masyarakat awam setempat di Perlis telah dipilih secara rawak bagi mewakili tiga kumpulan terbesar yang telah menerima impak terus dan impak tidak terus dengan kehadiran UniMAP. Daripada 565 responden, 206 responden adalah dari pelajar UniMAP (36%), 88 responden adalah dari kalangan kakitangan UniMAP iaitu (16%) dan 271 responden pula adalah terdiri dari masyarakat awam Perlis dengan diwakili 48%.

### *1.4.2 Komposisi Gender*

Daripada 565 responden yang dikaji 342 adalah lelaki iaitu hampir 61% manakala responden perempuan pula seramai 222 orang atau 39%. Bagi kategori umur berdasarkan jantina, didapati 220 responden berumur antara 18-25 tahun atau 39%. 55 responden lelaki berumur antara 26-35 dengan diwakili hampir 10% dan 7% lagi adalah berumur antara 36-45 tahun iaitu seramai 40 responden. Untuk responden perempuan pula, 156 berumur antara 18-25 tahun iaitu 28%, 7% pula merupakan responden wanita berumur 26-35 tahun iaitu seramai 41 orang dan 23 responden lagi berumur 36-45 tahun yang mewakili 4%. Maka secara keseluruhannya, 67% responden berumur 18-25 tahun, 17% berumur 26-35 dan hanya 11% berumur antara 36-45 tahun.

### *1.4.3 Komposisi Bangsa*

Untuk maklumat berkaitan etnisiti pula, majoriti responden adalah merupakan Bumiputera iaitu sermai 498 orang atau hampir 89%, Manakala etnik Cina adalah seramai 38 orang iaitu 7% dan India seramai 9 orang atau 4%. Untuk profil bangsa berdasarkan jantina, 306 responden lelaki merupakan bangsa Melayu iaitu 55%, 3% responden merupakan lelaki Cina yang mewakili 18 responden dan hanya 1% sahaja mewakili bangsa India iaitu seramai 6 orang. Bagi kategori perempuan pula, 192 responden dengan peratusan 34 merupakan bangsa Melayu, hampir 4% atau 20 responden Cina dan 0.5% bangsa India iaitu 3 orang sahaja. Bagi kategori bangsa berdasarkan kumpulan responden, didapati bangsa Melayu mempunyai 241 responden dari masyarakat luar atau penduduk Perlis iaitu 43%, 85 responden merupakan staf UniMAP yang diwakili 15% dan 30% lagi atau 172 responden adalah pelajar Melayu. Seramai 17 responden Cina merupakan masyarakat luar atau 3% dan hanya satu orang staf UniMAP dari bangsa Cina serta 20 orang pelajar yang menjadi responden adalah dari bangsa Cina. Bagi responden India, 7 orang atau 1.25% adalah pelajar UniMAP serta tiada staf UniMAP daripada bangsa India. Terdapat 7

responden dari kategori lain-lain bangsa untuk masyarakat luar serta jumlah yang sama juga bagi kategori pelajar. 2 orang responden lagi merupakan staf UniMAP dari kategori lain-lain bangsa. Ini bermakna peratusan terbesar datang dari kategori masyarakat luar yang diwakili sebanyak 48% atau 267 responden, diikuti 206 responden dari kategori pelajar dan staf UniMAP adalah kategori terkecil iaitu sekitar 16% atau 88 orang sahaja.

#### *1.4.4 Profil Umur*

Dari segi umur pula, responden yang berumur diantara 18 hingga 25 tahun mewakili 67% atau 376 orang, umur 26 hingga 35 pula seramai 96 orang atau 17%. Untuk kategori umur 36 hingga 45 tahun, 63 orang responden atau 11% dan seramai 29 orang atau 5% untuk yang berumur 46 tahun ke atas.

#### *1.4.5 Profil Pendidikan*

Dari segi pendidikan 35 responden yang mewakili hampir 7% adalah merupakan pasca Ijazah iaitu responden yang mempunyai Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran, 216 atau 41% Ijazah, 55 responden atau 10% memiliki Diploma, 50 responden lagi atau 9% lepasan SPM, 141 atau 27% lepasan SPM dan 35 atau 7% adalah merupakan lepasan SRP/PMR.

#### *1.4.6 Profil Jawatan*

Untuk profil jawatan pula, responden dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu Akademik, Pentadbiran/Pengurusan & Profesional dan Sokongan. Akademik diwakili hampir 51% atau 165 responden, Pentadbiran/Pengurusan & Profesional seramai 50 responden atau 15% dan staf Sokongan seramai 109 responden atau 34%.

#### *1.4.7 Profil Pendapatan*

Seramai 260 orang atau 69% responden berpendapatan di bawah RM1000 sebulan, 88 orang atau 23% berpendapatan diantara RM1001 hingga RM3000 dan 27 orang responden atau 7% mempunyai pendapatan antara RM3001 hingga RM5000 serta bagi yang berpendapatan RM5001 keatas diwakili oleh 0.8% atau 3 orang responden.

### ***1.5 Kepentingan dan Faedah Penyelidikan***

- 1) Melihat kesan kehadiran UniMAP di Perlis dalam aspek ekonomi secara terus, terutamanya melalui pandangan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKENP), Dewan

Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Perlis dan Pejabat Menteri Besar sendiri.

- 2) Mendapatkan peratusan peningkatan ekonomi Perlis selepas kehadiran UniMAP.
- 3) Mengenalpasti sektor ekonomi seperti pengangkutan, perhotelan, permakanan, peruncitan, perumahan dan lain-lain lagi yang paling banyak meningkat dengan kehadiran UniMAP.
- 4) Dapatkan pandangan telus golongan peniaga terhadap UniMAP.
- 5) Menafikan tanggapan negatif sesetengah pihak bahawa UniMAP tidak memberikan apa-apa kesan kepada ekonomi Perlis, cuma menguntungkan sesetengah pihak sahaja.
- 6) Mendapatkan pandangan masyarakat Perlis, pelajar dan staf UniMAP tentang kesan kehadiran UniMAP di Perlis samaada dari segi lokasi, perbelanjaan dan sebagainya.

## 2. KESAN KEHADIRAN UNIMAP DI PERLIS


Penyelidik telah menjalankan penyelidikan ini dengan bertanyakan tujuh bentuk soalan yang merangkumi kesan kehadiran UniMAP di Perlis. Daripada soalan-soalan tersebut, responnya telah dikategorikan kepada tiga kumpulan besar iaitu:

### 2.1 *Meningkatkan Ekonomi*

Seramai 451 atau melebihi 80% responden telah bersetuju bahawa kehadiran UniMAP telah meningkatkan ekonomi Perlis. Mereka bersetuju bahawa kehadiran UniMAP telah merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri lebih-lebih lagi dengan hasrat menjadi negeri maju pada 2015. Manakala 23 responden atau 4% tidak bersetuju kahadiran UniMAP membantu meningkatkan ekonomi negeri. Untuk peningkatan ekonomi Perlis banyak dibantu secara langsung dengan keadiran UniMAP, hampir 48% atau 267 responden bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala 74 responden atau 13% tidak bersetuju dengan soalan tersebut.

Untuk maklumat tentang perbelanjaan kehidupan di Perlis yang banyak dibantu dengan kehadiran UniMAP, seramai 204 responden atau hampir 37% bersetuju berbanding 173 responden tidak bersetuju. Keadaan ini dipercayai banyak dipengaruhi oleh mereka-mereka yang merasakan bahawa UniMAP tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas kehidupan mereka ataupun yang lebih tepat lagi mereka tiada apa-apa urusan dengan UniMAP.

Graf 1: Kehadiran UniMAP Membantu Peningkatan Ekonomi




Seterusnya, dijelaskan pula tentang kesan kehadiran UniMAP berdasarkan kumpulan responden. Sebagaimana yang dimaklumi kumpulan responden terbahagi tiga iaitu masyarakat luar, staf UniMAP dan pelajar UniMAP. Melalui graf di atas dapat dilihat pandangan setiap kumpulan responden terhadap peningkatan ekonomi Perlis. Seramai 210 responden atau 78% daripada masyarakat luar bersetuju bahawa kehadiran UniMAP telah meningkatkan ekonomi Perlis. Dan hanya 59 responden daripada keseluruhannya 269 responden masyarakat luar tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Bagi staf UniMAP pula, 77 responden atau 87% bersetuju dan hanya 11 responden atau 13% tidak bersetuju. Manakala majoriti pelajar UniMAP iaitu 188 responden bersetuju berbanding 18 yang tidak bersetuju. Secara totalnya, daripada ketiga-tiga kumpulan responden didapati 475 responden atau 85% bersetuju dan hanya 88 responden atau 15% tidak bersetuju.

## 2.2 Memberi Peluang Pekerjaan

Dapatkan kajian menunjukkan hampir 79% atau 444 responden bersetuju dengan pernyataan bahawa kehadiran UniMAP di Perlis telah memberikan peluang pekerjaan berbanding hanya 6% atau 33 orang sahaja yang tidak bersetuju. Keadaan ini dipengaruhi dengan lokasi UniMAP yang terletak di Perlis, maka pastilah akan menyediakan ruang pekerjaan yang luas kepada penduduk di negeri ini. Walau bagaimanapun bagi mereka yang tidak bersetuju, kebanyakkannya merasakan bahawa UniMAP adalah di bawah

kerajaan negeri dan sepatutnya hanya perlu dipenuhi oleh masyarakat Perlis sahaja. Ini menunjukkan bahawa segelintir masyarakat di Perlis telah tersalah anggap tentang UniMAP. Mereka menganggap UniMAP adalah kolej kerajaan negeri berbanding hakikatnya bahawa UniMAP adalah badan berkanun dan merupakan IPTA ke-17 di Malaysia.

Graf 2: Kehadiran UniMAP Memberi Peluang Pekerjaan Kepada Penduduk Perlis




Analisis menunjukkan bahawa kumpulan responden dengan peluang pekerjaan di Perlis, didapati 204 daripada 269 responden masyarakat luar atau 76% bersetuju bahawa kehadiran UniMAP telah memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk Perlis berbanding hanya 17 daripadanya yang tidak bersetuju. Bagi staf UniMAP pula, dengan majoriti 80% atau 70 responden bersetuju dengan kenyataan di atas berbanding bakinya seramai 6 orang responden. Daripada 206 responden dari kalangan pelajar, 83% atau 170 bersetuju dengan kehadiran UniMAP memberi peluang pekerjaan kepada penduduk perlis berbanding 86 tidak pasti dan 33 lagi tidak bersetuju.

### 2.3 Menguntungkan Segelintir Penduduk Perlis

Untuk pernyataan ini, seramai 210 responden atau 37% bersetuju bahawa UniMAP hanya menguntungkan segelintir penduduk Perlis sahaja. Jumlah yang hampir sama juga memberikan jawapan tidak pasti untuk soalan ini manakala 140 responden atau 25% tidak bersetuju. Jumlah bersetuju dan tidak pasti adalah hampir sama, ini mungkin disebabkan oleh kerana

responden tidak berani memberi jawapan yang kontra kerana ditakuti akan menyinggung mana-mana pihak.

**Graf 3: UniMAP Menguntungkan Segelintir Penduduk**



Kajian juga menunjukkan bahawa daripada 210 responden yang bersetuju dengan pernyataan bahawa kehadiran UniMAP hanya menguntungkan segelintir pihak sahaja, 116 responden adalah merupakan masyarakat luar, 60 responden pelajar UniMAP dan 34 lagi adalah staf UniMAP. Manakala bagi yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas, daripada 140 responden, 47 responden daripada masyarakat luar, 23 staf UniMAP dan hanya 70 pelajar UniMAP. Walau bagaimanapun terdapat jumlah yang besar iaitu kira-kira 212 responden menjawap tidak pasti dengan 106 masyarakat luar, 30 staf UniMAP dan 76 pelajar UniMAP


#### **2.4 Kesan ke atas Sosial**

Adakah kehadiran UniMAP telah memberikan kesan keatas kesedaran masyarakat di Perlis tentang pendidikan terutamanya pendidikan tinggi? Soalan ini telah diajukan kepada responden. Seramai 323 responden atau hampir 58% bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 10% atau 56 responden tidak bersetuju. Ini dilihat benar kerana kedudukan UniMAP yang berselerak di seluruh negeri Perlis memudahkan maklumat dan kepentingan UNIMAP diketahui oleh semua masyarakat Perlis. Keadaan ini ditambah lagi negeri

Perlis yang hanya mempunyai penduduk seramai 220,000 orang, dengan biangan yang agak kecil ini, kemungkinan maklumat akan tersebar dan sampai ke serata ceruk negeri adalah cerah. Selain itu, kepelbagaiannya aktiviti dan program kemasyarakatan yang dianjurkan UniMAP telah menjadikan masyarakat di Perlis meyakini kepentingan pengajian tinggi dan juga mengakui kepentingan UniMAP di negeri ini.

Seramai 335 responden iaitu hampir 60% bersetuju bahawa UniMAP telah memberikan impak positif terhadap sosial masyarakat Perlis. Manakala kurang 10% responden bersetuju dengan kenyataan ini. Memang tidak dinafikan bahawa banyak kesan positif kehadiran UniMAP dalam aspek sosial seperti kesedaran pendidikan, kewujudan pusat-pusat ilmu setempat, membantu perniagaan peniaga-peniaga kecil dan bumiputra serta sektor IKS dan lain-lain lagi.

Graf 4: Kehadiran UNIMAP Beri Impak Positif Terhadap Sosial



Seterusnya, kajian mendapati bahawa ada sesuatu yang menarik tentang kumpulan responden berbanding kesan kehadiran UniMAP dalam memberikan impak sosial di Perlis. Majoriti responden iaitu kira-kira 501 bersetuju bahawa kehadiran UniMAP telah memberikan impak positif terhadap Perlis seperti juga kesedaran tentang pendidikan tinggi dan aktiviti sosial. Daripada jumlah tersebut, 234 merupakan masyarakat luar, 80 staf UniMAP dan bakinya seramai 187 adalah pelajar UniMAP. Manakala yang berada pada posisi tidak bersetuju, 61 responden telah direkodkan iaitu 34 masyarakat luar, 19 pelajar UniMAP dan bakinya 8 lagi adalah staf

UniMAP. Ini menunjukkan perbezaan yang signifikan tentang kesan kehadiran UniMAP dan impak positifnya di Perlis.

Manakala bagi pelajar pula, lebih ramai yang mengatakan bahawa UniMAP tidak memberikan impak positif kepada negeri Perlis. Kecenderungan ini adalah disebabkan pelajar merasakan bahawa sistem yang ada sekarang ini sangat tidak menguntungkan mereka kerana terpaksa '*mobile*' dari saru kawasan ke kawasan lain hampir setiap hari.

Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menafikan bahawa kesan negatif dengan kehadiran UniMAP di Perlis juga berlaku. Terutama sekali yang terlibat jenayah juvana seperti curi motor, lumba motor haram, syabu, penyalah gunaan dadah dan lain-lain juga berlaku. Walaupun tidak dinyatakan dengan terperinci tetapi jumlah jenayah juga agak meningkat di Perlis antara tahun 1998 bingga 2005. Ini boleh dilihat melalui statistik berikut:

**Jadual 1:**  
**Perangkaan Jenayah Indeks Bagi Kontinjen Perlis Tempoh Tahun 1998**  
**Hingga 2005 (Januari Hingga Julai 2005)**

Jadual 1: Bilangan kes jenayah di Perlis (1998-2005)

BIL	JENAYAH KEGANASAN	98	99	00	01	02	03	04	05
1	Bunuh	1	0	2	5	1	1	3	1
2	Cuba Bunuh	0	0	1	1	0	0	0	1
3	Samun Berkawan Bersenjatapi	0	0	0	0	0	0	0	0
4	Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	1	1	0	0	0	0	5	0
5	Samun Bersenjatapi	3	0	2	1	0	2	0	0
6	Samun Tanpa Senjatapi	12	12	6	7	12	10	11	8
7	Rogol	28	14	13	9	13	11	19	8
8	Cedera ( Sek 324 - 326 Kk )	42	30	18	29	37	37	35	24
	Jumlah	87	57	42	52	63	61	73	42
	Jenayah Harta Benda								
9	Pecan Rumah Dan Curt Siang Hart	17	20	47	18	15	14	19	6
10	Pecan Rumah Dan Curt Malam Hart	93	158	120	120	110	119	97	45
11	Curt Motolorinan	1	2	0	3	4	3	1	3
12	Curi Motokar	7	2	5	11	9	7	5	6
13	Curt Motosikal	82	82	113	133	164	197	209	115
14	Curi Ragut	47	45	7	43	33	17	15	10
15	Lain-Lain Kecurian	147	151	163	90	95	111	105	77
	Jumlah	394	460	455	418	430	468	451	262
	Jumlah Besar	481	517	497	470	493	529	524	304

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu pejabat Polis Kontinjen Perlis.

Pelajar UniMAP juga telah direkodkan ada penglibatan dalam sesetengah jenayah seperti lumba motor haram, pergaduhan, kesalahan khalwat dan penyalah gunaan dadah. Walau bagaimanapun, kes-kes ini merupakan kes yang terpencil dan jumlahnya sangat sedikit. Pelbagai langkah dilakukan oleh pihak pengurusan UniMAP seperti Unit Hal-Ehwal Pelajar dengan kerjasama pihak Polis untuk membendung pelajar dari terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat ini.


### **3. LOKASI UniMAP DAN KESAN SETEMPAT**

Penyelidik telah melontarkan empat soalan yang berkaitan lokasi UniMAP dan kesannya ke atas ekonomi dan masyarakat setempat. Dapatannya dibahagi kepada dua kelompok utama iaitu kampus berselerak dan pemasatan kampus UniMAP pada masa hadapan.

#### ***3.1 Kampus Berselerak***

Seramai 349 responden yang mewakili hampir 63% bersetuju dengan pernyataan bahawa lokasi UniMAP yang berselerak sekarang ini sangat mempengaruhi ekonomi Perlis. Seramai 81 orang responden atau 15% tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Secara logiknya juga kita boleh melihat UniMAP berada dimana-mana sahaja di Perlis merangkumi kawasan Kuala Perlis hingga ke Arau dan pada masa akan datang di Sungai Chuchoh, Padang Besar. Keadaan ini juga pastinya memangkin sektor ekonomi kecil seperti perniagaan gerai makan, sewa kereta, kedai runcit dan lain-lain lagi. Hampir 50% atau 241 responden bersetuju bahawa kegiatan ekonomi di kawasan-kawasan seperti Jejawi, Kubang Gajah dan Kuala Perlis pastinya akan terjejas dengan pemasatan UniMAP. Manakala 155 responden atau 28% responden tidak bersetuju dengan idea bahawa kampus berselerak ini akan terjejas dengan pemasatan UniMAP di satu lokasi sahaja. Untuk menjelaskannya kita lihat graf berikut:

Graf 5: Kampus Selerak Bantu Tingkat Ekonomi Perlis




### 3.2 Pemusatan UniMAP

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan tentang pandangan responden terhadap kesan ekonomi Perlis seluruhnya terhadap pemusatan UniMAP di satu lokasi. Hampir 16% atau 128 responden bersetuju bahawa keadaan ini akan menjelaskan ekonomi Perlis manakala 43% atau 239 responden berkeyakinan dan tidak bersetuju bahawa sentralisasi UniMAP akan menjelaskan ekonomi Perlis.

Apabila diperhalusi maka didapati bahawa responden hanya bersetuju yang pemusatan UniMAP menjelaskan sesuatu kawasan seperti Jejawi, Kubang Gajah atau Kuala Perlis tetapi bukan keseluruhan negeri Perlis. Walaupun pemusatan UniMAP ditumpukan di Ulu Pauh tetapi ianya masih lagi dalam negeri Perlis dan beberapa premis yang telah dibangunkan oleh UniMAP pastinya akan dikenakan untuk kebaikan semua pihak. Seramai 401 responden atau 72% daripada jumlah responden bersetuju bahawa pemusatan UniMAP di satu lokasi akan melahirkan bandar baru. Hanya 10% atau 56 responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala sebahagian besar responden berkedudukan tidak pasti dengan persoalan ini. Untuk menjelaskannya kita lihat carta berikut:

Graf 6: Pemusatan UNIMAP Jejas Ekonomi



Manakala daripada ketiga-tiga kumpulan responden iaitu pelajar UniMAP, kakitangan UniMAP dan masyarakat setempat hampir semuanya bersetuju bahawa pemusatan UniMAP akan melahirkan bandar baru dengan nilai purata min 2.16. Ini bermakna walaupun terdapat segelintir yang tidak bersetuju dengan pemusatan UniMAP, tetapi mereka yakin pemusatan UniMAP akan memberikan impak positif kepada negeri Perlis seperti melahirkan bandar baru dan sebagainya. Didapati juga bahawa kebanyakan responden yang tidak bersetuju dengan idea pemusatan UniMAP adalah mereka-mereka yang terlibat dengan sektor perniagaan terutamanya peniaga kecil-kecilan dan kedai-kedai yang terdapat dipersekutaran kampus UniMAP.

#### 4. PENGARUH UNIMAP TERHADAP EKONOMI PERLIS

##### 4.1 Perbelanjaan UniMAP

UniMAP yang memulakan operasinya pada 01 April 2002 dilaksanakan di kampus yang berselerak atau disebut juga '*distributed campus*'. Kampus tetap UniMAP yang akan didirikan di Ulu Pauh belum lagi siap sepenuhnya. Bagi memenuhi keperluan penginapan, pentadbiran dan pengkuliahan, UniMAP terpaksa mengambil jalan menyewa premis-premis di sekitar Kangar dan di negeri Perlis bagi keperluannya. Perbelanjaan UniMAP keatas sewaan bangunan dan premis-premis yang dijadikan dewan kuliah,

pusat kejuruteraan, bengkel, makmal, pejabat pentadbiran dan juga kolej kediaman sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Ini boleh dilihat melalui data berikut:

Jadual 2: Jumlah Perbelanjaan UniMAP 2002-2005.

Tahun	Bil Premis	Jumlah
2002	3	931,262.49
2003	16	2,581,798.92
2004	24	4,528,834.72
2005	51	7,822,088.52

Sumber: Jabatan Bendahari UniMAP 2006.

Jumlah ini meningkat dari RM931,262.49 pada tahun 2002 kepada RM7.8 juta pada tahun 2005 dan dijangka boleh mencapai RM10 juta pada Disember 2006. Bangunan dan premis yang disewa juga menunjukkan peningkatan yang sangat ketara dengan hanya 3 buah pada awal tahun operasinya kepada 51 buah pada tahun 2005.


Manakala bas pula adalah pengangkutan utama bagi pelajar UniMAP. Dengan lokasinya yang berselerak dan agak jauh dari satu tempat ke tempat lain, pengangkutan bas sangatlah mendesak. Walaupun UniMAP telah memiliki 10 buah bas iaitu dengan 9 buah bas berkapasiti 44 penumpang dan sebuah bas dengan kapasiti 20 penumpang tetapi ianya masih juga belum mencukupi. Atas sebab inilah, UniMAP perlu menyewa perkhidmatan bas luar. Bas yang disewa ini adalah untuk menampung kekerapan perjalanan pelajar dan menampung bilangan pelajar yang sentiasa bertambah dari masa ke semasa. UniMAP membelanjakan ratusan ribu ringgit setahun untuk kos penyewaan bas. Ini secara tidak langsung telah membantu meningkatkan ekonomi Perlis dengan menjana sektor pengangkutan dan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduknya.

#### **4.2 Perbelanjaan Staf**

Kabinet pada 21 Julai 2001 telah meluluskan penubuhan UniMAP sebagai IPTA ke-17 di negara ini. Selaras dengan penubuhan UniMAP, Lt. Kol Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin telah dilantik sebagai Rektor untuk memulakan operasinya. Selepas itu bermulalah perlantikan pegawai-pegawai utama universiti seperti Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff sebagai Timbalan Rektor Akademik dan En. Ku Halim Ku Arifin sebagai Pendaftar, Tuan Haji Ayob Ismail sebagai bendahari dan lain-lain lagi. Bilangan kakitangan UniMAP bertambah dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan tenaga pentadbiran dan akademik. Maka di akhir tahun 2005 jumlah kakitangan UniMAP bagi kedua-dua kategori (pentadbiran dan

akademik) berjumlah 699 orang iaitu 306 untuk pengurusan & profesional dan 393 kakitangan sokongan. Jumlah ini tidak termasuk 2 untuk pegawai tertinggi iaitu Rektor dan Timbalan Rektor.

Graf 7: Pola Perbelanjaan Staf UNIMAP Sebulan



Hasil kajian ini juga telah berjaya membuktikan bahawa min perbelanjaan staf UniMAP di Perlis dalam sebulan adalah sebanyak RM1416.02. Dengan jumlah perbelanjaan sebanyak ini serta bilangan staf yang melebihi 700 orang maka perbelanjaan sebulan berjumlah RM991,214.00. Ini bermakna hampir 1 juta dibelanjakan oleh staf UniMAP dalam masa sebulan di Perlis. Keadaan ini pastinya sangat merangsang ekonomi negeri terutama bagi sektor IKS dan peniaga kecil.

Daripada graf di atas didapati bahawa perbelanjaan terbesar staf UniMAP adalah untuk pembayaran pinjaman dengan kadar purata hampir RM500 sebulan. Pembayaran pinjaman ini termasuklah pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi, pinjaman pelajaran dan sebagainya. Di ikuti oleh perbelanjaan untuk makan minum dan kediaman sama ada sewaan bulanan atau bayaran pinjaman prumahan. Perbelanjaan untuk utiliti dan rekreasi adalah yang terendah dilakukan oleh staf UniMAP dalam masa sebulan. Ini jelas menunjukkan bahawa kos sara hidup yang agak rendah membantu staf dalam mengurangkan perbelanjaan utiliti dan membelanjakan sebahagian besar emolumen bulanan mereka untuk pinjaman.

Selain itu, jadual berikut menjelaskan bagaimana UniMAP telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk urusan pembayaran emolumen bagi stafnya. Daripada tahun 2003 hingga 2005 sudah lebih 16 juta dibelanjakan oleh UniMAP untuk pembayaran gaji staf termasuk elaun dan imbuhan yang ditetapkan. Jadual berikut menjelaskan tentang pembayaran gaji oleh UniMAP.

Jadual 3: Pembayaran Gaji Staf UniMAP

TAHUN	JUMLAH PEMBAYARAN (RM)
2003	3,364,576.90
2004	5,737,743.20
2005	9,003,635.00

Sumber: Jabatan Bendahari UniMAP, Januari 2006.

#### **4.3 Perbelanjaan Pelajar**


Pelajar UniMAP pada masa ini berjumlah lebih 2000 orang. Jumlah ini dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa. Jumlah ini juga pastinya akan meningkat dengan mendadak sekali apabila kemasukan pelajar kumpulan pertama program Diploma UniMAP yang akan bermula pada Jun 2006 nanti. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa min perbelanjaan pelajar UniMAP dalam sebulan berjumlah RM549.75. Ini bermakna pelajar UniMAP membelanjakan lebih satu juta sebulan untuk urusan seperti makan-minum, photostat, sewaan kenderaan, kad pra bayar, buku, alat tulis dan sebagainya. Pada masa ini sebanyak RM1,099,500. dibelanjakan setiap bulan dan jumlah ini pastinya akan bertambah.

Jadual di atas pula menunjukkan bagaimana pola perbelanjaan pelajar UniMAP dalam masa sebulan di negeri Perlis. Perbelanjaan makan-minum adalah pecahan terbesar yang dilakukan oleh pelajar UniMAP dengan jumlah puratanya hampir RM300 setiap bulan. Disini jelas menunjukkan bahawa pelajar membelanjakan wang yang banyak untuk makan dan minum di cafetaria yang disediakan ataupun makan di luar sama ada warung, gerai ataupun restoran disekitar kampus. Maka ianya telah merangsang pembangunan ekonomi negeri terutama sekali membantu peniaga kecil-kecilan.

Perbelanjaan terendah ialah untuk komunikasi iaitu telefon dan internet. Dapat dikenalpasti bahawa alat komunikasi UniMAP adalah antara yang terbaik di kalangan IPTA terutamanya kemudahan internet. Keadaan ini telah menyebabkan pelajar kurang menggunakan perkhidmatan komunikasi

luar kecuali telefon dan kad pra-bayar. Pelajar juga sangat kurang membelanjakan wang untuk pengangkutan. Ini disebabkan oleh kemudahan pengangkutan bas yang disediakan UniMAP menjadikan pelajar kurang menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam dan juga petrol.

Graf 8: Pola Perbelanjaan Pelajar UniMAP Sebulan



Dijangka dalam masa lima tahun lagi pelajar UniMAP akan membelanjakan lebih dari 3.2 juta setiap bulan dengan unjuran bilangan pelajar 6782 pada tahun 2010 dan meningkat kepada 8042 pelajar pada 2015. Untuk menjelaskannya kita bolehlah melihat enrolmen pelajar secara tahunan hingga 2015 nanti. Ianya seperti berikut:

Jadual 4: Unjuran Pelajar Bagi Tempoh 2006 – 2015

PENGAJIAN TAHUN	DIPLOMA	IJAZAH	JUMLAH
2006	360	2940	3300
2007	780	3494	4274
2008	1215	4180	5395
2009	1280	4872	6152
2010	1280	5502	6782
2011	1280	6062	7342
2012	1280	6482	7762
2013	1280	6762	8042
2014	1280	6762	8042
2015	1280	6762	8042

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Pelajar UniMAP.

## 5. RUMUSAN KAJIAN

A.Rumusan Mengikut Kesan Kehadiran UniMAP Dalam Meningkatkan Ekonomi dan sosial penduduk Perlis:

1. Lebih daripada 80% dari responden bersetuju bahawa kehadiran UniMAP sangat membantu dalam peningkatan ekonomi Perlis. Daripada tiga kumpulan responden iaitu staf UniMAP, pelajar UniMAP dan masyarakat luar, hanya 23 responden atau 4% yang tidak bersetuju. Manakala selebihnya menjawab tidak pasti.
2. Hampir 80% responden juga bersetuju bahawa kehadiran UniMAP telah memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk Perlis. Masyarakat luar adalah kumpulan responden yang paling bersetuju dengan kenyataan ini, diikuti staf dan pelajar UniMAP ditempat kedua dan ketiga. Hanyalah 6% atau 33 responden sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa UniMAP telah memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk Perlis.
3. Hampir 80% responden bersetuju bahawa kehadiran UniMAP telah memberikan kesan positif terhadap sosial di Perlis. Terutamanya aspek kesedaran terhadap keperluan pendidikan dan pengajian tinggi serta sumbangan UniMAP terhadap aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Hanya segolongan kecil sahaja iaitu kira-kira 9% yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Golongan yang paling sedikit tidak bersetuju dengan kenyataan ini adalah masyarakat luar. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat di Perlis memang yakin dan dapat melihat bagaimana UniMAP memainkan peranan yang sangat besar dalam aspek sosial di negeri ini. Ini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan UniMAP yang diterajui oleh Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin telah berjaya menjulang nama UniMAP samada di peringkat tempatan mahupun nasional dan global.

B. Rumusan Lokasi UniMAP dan Kesan Setempat

1. Majoriti responden yang diwakili lebih 63% sangat bersetuju bahawa lokasi UniMAP yang berselerak sekarang ini sangat membantu dalam meningkatkan ekonomi setempat dan ekonomi Perlis umumnya. Hasil maklumat dari responden di pelbagai kawasan di Perlis seperti di Arau, Kuala Perlis, Jejawi, Kangar, Bintong dan lain-lain lagi, jelas menunjukkan mereka bersetuju dan ingin supaya UniMAP terus kekal berselerak untuk memangkin pembangunan ekonomi Perlis dan masyarakat di negeri ini.

2. Bagi pemasatan UniMAP pula, lebih 43% bersetuju bahawa sentralisasi tidak akan menjelaskan ekonomi Perlis. Ini mungkin dikuatkan lagi dengan anggapan bahawa akan wujud bandar baru Ulu Pauh apabila kampus tetap UniMAP siap dibina nanti. Terdapat kira-kira 16% responden yang merasakan bahawa pemasatan UniMAP akan menjelaskan ekonomi Perlis. Golongan yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini adalah masyarakat di Perlis, ini mungkin disebabkan anggapan bahawa peluang perniagaan dan pekerjaan mereka akan terjejas dengan penusatan UniMAP. Namun secara keseluruhannya lebih 80% responden sangat yakin bahawa pemasatan UniMAP akan memberikan kesan positif dan kebaikan yang berpanjangan untuk negeri Perlis.
- C. Rumusan Kesan Kehadiran UniMAP Melalui Perbelanjaan Staf dan Pelajar
1. Selama UniMAP bertapak di Perlis, puluhan juta ringgit telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus dan prasarana. Hasil suntikan Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan tahunannya, UniMAP telah secara tidak langsung memberikan impak yang sangat besar terhadap ekonomi Perlis.
  2. Untuk pembayaran gaji sahaja, sebanyak RM15, 863,984.65 atau hampir RM16 juta telah dibelanjakan UniMAP selama empat tahun operasinya di Perlis. Jumlah yang besar ini juga menunjukkan besar juga perbelanjaan staf UniMAP di Perlis setiap bulan. Hampir RM1 juta dibelanjakan oleh kakitangan UniMAP sebulan dengan purata RM1416.02.
  3. Perbelanjaan terbesar staf UniMAP di Perlis adalah melibatkan pinjaman kenderaan, peribadi dan pembelajaran. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa sektor perbankan antara sektor utama yang menerima impak terbesar kehadiran UniMAP di Perlis. Seterusnya diikuti perbelanjaan makan-minum dan kediaman. Perbelanjaan terendah staf UniMAP adalah untuk rekreasi dan pembayaran utiliti. Ini menunjukkan bahawa kadar utiliti di Perlis adalah antara yang terendah di Malaysia dan staf membelanjakan wang mereka untuk perkara lain seperti makan-minum dan sebagainya.
  4. Dengan purata perbelanjaan pelajar UniMAP sebanyak RM549.75 sebulan, maka sebanyak RM1,099,500. atau lebih RM1 juta dibelanjakan untuk pelbagai perkara seperti makan-minum, alat tulis dan buku, komunikasi, pengangkutan dan sebagainya. Dijangka sebanyak RM5.5 juta akan dibelanjakan pelajar UniMAP apabila enrolmen pelajar mencapai tahap kemuncak pada 2015 dengan bilangan 8042 pelajar.

## 6. CADANGAN

Maklumat berkaitan kajian ini diperolehi melalui dua (2) sumber utama iaitu sumber sekunder melalui data-data UPEN, UniMAP, badan-badan Kerajaan dan Berkanun serta swasta dan data berasaskan sumber primer sebenar yang diperolehi melalui borang soal selidik. Maka adalah dengan ini dicadangkan:

- (a) Masyarakat Perlis, Staf dan Pelajar diberikan maklumat lebih tepat tentang kampus tetap UniMAP serta kepentingan dan kesan-kesannya.
- (b) Memperbanyakkan lagi aktiviti yang bersifat mesra masyarakat, supaya impak terhadap sosial dengan kehadiran UniMAP lebih jelas.
- (c) Tetap mengekalkan sebahagian kampus berselerak di Perlis walaupun terbinanya kampus tetap di Ulu Pauh. Ini perlu agar pembangunan yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan dapat berjalan dengan licin. Lapisan masyarakat juga akan menerima manfaat terutamanya sektor perniagaan kecil.
- (d) Melibatkan lebih ramai masyarakat Perlis dalam pembangunan UniMAP seperti projek-projek, tender dan lain-lain lagi.
- (e) Mewujudkan Pusat Kajian Dasar dan Ekonomi negeri Perlis dengan UniMAP sebagai penerajunya. Pusat ini akan dapat menyediakan '*database*' untuk semua maklumat tentang ekonomi Perlis dan boleh dijadikan pusat penyelidikan ekonomi untuk kawasan IMTGT.
- (f) Dicadangkan agar pelajar kejuruteraan mengambil kursus keusahawanan sebagai minor dan pelajar-pelajar ini digalakkan melibatkan diri dalam kajian lapangan tentang ekonomi Perlis.
- (g) UPEN sebagai unit terpenting dalam proses pembangunan ekonomi Perlis perlu mendapatkan statistik dan laporan tahunan daripada semua jabatan dan badan kerajaan, berkanun atau swasta di Perlis serta mengemaskinkannya setiap tahun. Ini amat penting sebagai sumber utama untuk penyelidikan dan pengayaan ilmu. UPEN dan Pusat Kajian Dasar UniMAP pastinya boleh berkerjasama dengan lebih jitu untuk mencapai cita-cita menjadikan Perlis negeri ilmu.

## RUJUKAN

- Alyas Mohammad, 1996, *Pendidikan Teknikal di Malaysia Dalam Mencapai Wawasan 2020* dalam Jurnal Akademik MPTBR Jilid IX tahun 1995/96.
- Azlan, M.Z., 1999, *Model Peningkatan Kualiti Pencapaian Pelajar Berdasarkan Penilaian Aspek Tingkah Laku*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Beck, R. et al. "Economic impacts studies of regional public colleges and universities." *Growth and Change*, 26: 245-260,1995.
- Brownrigg, M. "The economic impact of a new university." *Scottish Journal of Political Economy*, 30: 123-139,1973.
- Chartier, A.W., 1992, *Demands on Graduates* dalam Sportlight on Education, vol. 81, no. 15.
- Data Kemasukan Pelajar, 2002-2005, Unit Kemasukan dan Rekod, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Perlis.
- Fawkes, A. S. "The economic impact of higher education in the Yorkshire and Humberside region of England." *Higher Education*, 12: 591-596, 1983.
- Higgins, R. and Cooke, P. 1996, *The economic impacts of Cardiff University innovation, learning and job generation*. Cardiff: Centre for Advanced Studies, University of Wales.
- Hudson, B. M. "Regional economic effects of institutions of higher education." *SocioEcononic Planning Sciences*, 8: 181-194, 1974.
- Institut Penyelidikan Tinggi Negara (IPPTN) dan Bahagian Geografi USM, Mac 2003, *Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Pembangunan Subwilayah: Harapan dan Jangkaan Komuniti*.
- Jabatan Bendahari UniMAP
- Jabatan Hal-Ehwal Pelajar UniMAP
- Jabatan Siasatan Jenayah, Ibupejabat Polis Kontinjen Perlis
- M.J. Noursis, 1998, SPSS 8.0: *Guide to Data Analysis*, Prentice Hall, New Jersey.
- Malecki, E. and Bradbury, S. 1992, "R&D facilities and professional labour: labour force dynamics in high technology." *Regional Studies*.